



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**JURUTERA KERJA (MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL) (B.3)  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

-----  
**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Perkhidmatan Elektrik.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**JURUTERA KERJA (MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL)  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**


1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Elektrikal dan Elektronik / Mekanikal atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik sebagai Jurutera atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

2. **Bagi yang tidak mempunyai ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Berdaftar sebagai *Chartered Engineer* dengan *Engineering Council (United Kingdom)* dan menjadi ahli kepada badan-badan professional iaitu *Member of The Institution of Electrical Engineering (MIEE)*, *Member of The Institution of Mechanical Engineering (MI Mech E)* atau sebanding adalah kelebihan.
4. Berpengalaman dalam kerja-kerja operasi dan pemeliharaan di Stesen-Stesen Janakuasa atau kerja-kerja operasi dan pemeliharaan sistem voltan tinggi atau voltan rendah adalah keutamaan.
5. Berpengalaman dalam kerja-kerja di lain jenis Stesen Elektrik adalah kelebihan.
6. Pernah menjadi Jurutera Daerah atau menjalankan tugas Ketua Bahagian adalah kelebihan.
7. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Merancang dan melaksanakan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan juga projek-projek dari Kementerian-Kementerian / Jabatan-Jabatan lain yang berkaitan dengan belanjawan Rancangan Kemajuan Negara;
2. Menyediakan permohonan pemantauan dan perbelanjaan kewangan Rancangan Kemajuan Negara;
3. Menyediakan, membuat Pra-Kejuruteraan terhadap rangkaian baru Jabatan Perkhidmatan Elektrik;
4. Menyediakan perancangan rangkaian / sistem voltan tinggi *High Voltage / Medium Voltage / Low Voltage (HV / MV / LV)* baru Jabatan Perkhidmatan Elektrik;
5. Menyediakan rangkaian kasar nilai perancangan rangkaian Elektrik;
6. Memantau dan memberi nasihat mengenai perkara-perkara teknikal; dan
7. Memberikan nasihat bagi perkara-perkara pentadbiran.